



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

MAKLUMAT RINGKAS

KOD TINGKAH LAKU PROFESIONAL UNTUK PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K)

DI BAWAH AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

Hubungan antara seorang pengamal dan pesakit adalah berlandaskan kepercayaan. Seseorang pesakit meletakkan sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap profesionalisme pengamal yang merawatnya.

Oleh itu, pengamal PT&K bertanggungjawab untuk **tidak menyalahgunakan kepercayaan** ini dalam apa jua keadaan sekalipun. Pengamal PT&K haruslah **menjaga tingkah laku** dan **berintegriti** dalam menjalankan tugasnya agar tidak menjejaskan reputasi sebagai seorang pengamal. Pengamal PT&K juga hendaklah **kompeten** dan sentiasa berusaha untuk **meningkatkan pengetahuan serta ilmu kemahiran**.

Maka, kod tingkah laku profesional ini merupakan satu panduan kepada pengamal PT&K supaya sentiasa mematuhi piawaian profesional dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Subseksyen 35(2) menyatakan bahawa pengamal berdaftar hendaklah **mematuhi** piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan.

Subseksyen 35(3) menyatakan **ketidakpatuhan** terhadap piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan boleh menyebabkan pengamal berdaftar dikenakan **tindakan tatatertib** dan **pembatalan pendaftaran pengamal berdaftar**.

Kod ini merangkumi piawaian amalan mandatori dalam **Kod Tadbir Urus** dan **Kod Amalan**.

Kod Tadbir Urus adalah kod yang memperuntukkan pendekatan atau corak pengurusan yang efektif bagi pengamal PT&K.

Komponen dalam Kod Tadbir Urus adalah:

- Tanggungjawab pengamal sebagai seorang profesional
- Tanggungjawab pengamal kepada pesakit
- Tanggungjawab pengamal kepada masyarakat
- Hubungan dengan anggota profesional lain
- Permohonan rekod perubatan pesakit

Kod Amalan adalah kod praktis bagi pengamal PT&K berkaitan dengan mana-mana bidang amalan diiktiraf.

Komponen dalam Kod Amalan adalah:

- Kebersihan secara am
- Amalan kebersihan tangan
- Teknik membasuh tangan
- Peralatan yang digunakan
- Tanggungjawab pengamal dalam menjalankan tugas dengan selamat
- Pengurusan peralatan tajam dan sisa klinikal yang betul

Pengamal disarankan untuk muat turun Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K daripada portal rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (<https://tcm.moh.gov.my>) sebagai rujukan.